



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KATA GANTI NAMA DAN UNGKAPAN SANTUN
DALAM NOVEL KOMSAS TERPILIH***

MUHAMAD HAZIM BIN HUSSIN

FBMK 2015 20



**KATA GANTI NAMA DAN UNGKAPAN SANTUN
DALAM NOVEL KOMSAS TERPILIH**

Oleh

MUHAMAD HAZIM BIN HUSSIN

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Ogos 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**KATA GANTI NAMA DAN UNGKAPAN SANTUN
DALAM NOVEL KOMSAS TERPILIH**

Oleh

MUHAMAD HAZIM BIN HUSSIN

Ogos 2015

Pengerusi
Fakulti

: Prof. Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kata ganti nama mengandungi kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga. Penggunaan kata ganti nama yang betul dan tepat akan memberi keselesaan kepada seseorang apabila diajak berbicara penutur. Pemilihan penggunaan kata ganti nama haruslah dilihat kepada status atau kedudukan antara pendengar dan penutur. Kesantunan merupakan kesopanan dan kehalusan dalam menggunakan bahasa ketika berkomunikasi sama ada melalui lisan atau tulisan. Penggunaan bahasa yang mengandungi adab tertib, sopan santun merupakan nilai hormat yang tinggi. Justeru itu, objektif dalam kajian ini adalah mengenal pasti penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun dalam novel KOMSAS terpilih. Kedua, menghuraikan ganti nama dan ungkapan santun yang terdapat dalam novel KOMSAS menggunakan Teori Kesopanan Leech (1983). Manakala objektif ketiga adalah untuk merumus penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun dalam novel KOMSAS. Data kajian dikumpul dengan menggunakan empat buah novel KOMSAS tingkatan lima, iaitu *Kembara Amira* (2010), *Konserto Terakhir* (2012), *Sutera Dalam Lukisan* (2010) dan *Kabus Di Perbukitan* (2011). Teori Kesopanan Leech (1983) digunakan untuk menganalisis kesantunan yang terdapat dalam novel KOMSAS. Sebanyak 5238 data diperoleh daripada pembacaan keempat-empat novel KOMSAS terpilih. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat bentuk kata ganti nama pertama, kata ganti nama kedua dan kata ganti nama ketiga. Manakala ungkapan santun merangkumi penggunaan maaf, penggunaan kiasan dan pujian. Penggunaan gelaran merupakan dapatan kajian yang paling banyak yang terdapat pada penggunaan gelaran tuan. Selanjutnya, kajian yang dijalankan oleh pengkaji mendapati, melalui penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun memberikan hubungan mesra dan rasa hormat antara pendengar dan penutur ketika menggunakanannya. Kesimpulannya, penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun boleh memberi kesan kepada pembaca khususnya kepada pelajar tingkatan lima seterusnya mempraktikkannya apabila telah menamatkan persekolahan.

Abstract of thesis to senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the
requirement for the degree of Master of Art

PRONOUNS AND POLITE PHRASE IN SELECTED KOMSAS NOVEL

By

MUHAMAD HAZIM BIN HUSSIN

August 2015

Supervisor : Prof. Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah,PhD
Faculty : Modern Language and Communication

In Malay language, pronouns are divided into three different categories that are first personal pronouns, second personal pronouns and third personal pronouns. Using proper and correct pronouns would certainly make a conversation more exciting. Normally, selection of pronouns is determined by social status as well as position of the persons involved in a conversation. The use of polite, decent and highly etiquette language is regarded as high values of courteous. Therefore, the main objective of this study are to investigate the use of pronouns and polite phrase in selected KOMSAS novel. Secondly to elaborate the pronouns and polite phrases used in the KOMSAS novel by using ‘Leech’s Politeness Principles (1993)’ and lastly to formulate the use of pronouns and polite phrase in the KOMSAS novel. For the purpose of this study, data was collected from KOMSAS novels that were used in secondary schools, four KOMSAS novels were selected from form five syllabus that are *Kembara Amira* (2010), *Konserto Terakhir* (2012), *Sutera Dalam Lukisan* (2010) and *Kabus Di Perbukitan* (2011). Leech’s Politeness Principles (1993) is used to analyze the politeness in KOMSAS novel. There are 5238 data were collected from four selected KOMSAS novels. The result shows that, there are three typesof pronouns were used in the novels that include first personal pronouns, second personal pronouns and third personal pronouns. While, polite phrase include *penggunaan maaf*(word of apologize), *penggunaan kiasan* (*metaphor*) and *pujian* (*praise*). ‘Penggunaan gelaran’ is the most frequent word used in these novel, which can be found in the word ‘Tuan’. Besides that, it is also found the use of proper pronouns and polite phrase lead into warm and friendly relationship as well as respectful among speakers and listeners. In conclusion, this research suggests that the decent and proper use of pronouns and polite phrases gives effect to readers especially the form five students. Which effects the way they use and practice the language either during the school time or after they finish their study.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Alhamdullillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, saya dapat menyiapkan tesis yang berjudul “Kata Ganti Nama dan Ungkapan Santun Dalam Novel KOMSAS Terpilih” telah dapat disiapkan.

Pertama sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan kepada Profesor Madya Dr. Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah selaku pengurus jawatankuasa penyeliaan dan Dr. Norazlina binti Haji Mohd Kiram selaku ahli jawatankuasa saya yang tidak pernah jemu memberi bimbingan dan tunjuk ajar tanpa putus asa bagi merealisasikan matlamat saya untuk menyiapkan kajian yang baik. Usaha dan nasihat beliau akan sentiasa terpahat di hati. Ucapan jutaan terima kasih dengan penuh kasih sayang kepada abah Hussin Bin Rahman dan emak Misrah Amin serta abang-abang, kakak-kakak dan yang tidak putus asa menjadi nadi dan pembakar semangat kepada saya dalam mengharungi setiap liku-liku perjalanan dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih kerana sentiasa mendoakan kejayaan pengkaji. Kepada sahabat-sahabat saya yang memberi sokongan dan dorongan serta segala pertolongan amat saya hargai.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak dalam menjayakan kajian saya. Semoga segala kebaikan yang diberikan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 19 Ogos 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Muhamad Hazim Bin Hussin bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Kata Ganti Nama dan Ungkapan Santun dalam Novel KOMSAS Terpilih" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A)106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

COPYRIGHT UPM

COPYRIGHT UPM

COPYRIGHT UPM

COPYRIGHT UPM

COPYRIGHT UPM

COPYRIGHT UPM

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Professor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Marlyna Maros, PhD

Professor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Luar)

**(ZULKARNAIN ZAINAL)
(PROFESOR)**

Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 5 November 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Norazlina binti Haji Mohd Kiram, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Professor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan tesis ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (semakan 2012-2013) and Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Muhamad Hazim bin Hussin (GS34361)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____



SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI CARTA	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB

1 PENDAHULUAN	
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	7
Persoalan Kajian	8
Objektif Kajian	8
Kepentingan Kajian	8
Batasan Kajian	9
Definisi Operasional	10
Kesimpulan	11
2 SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	12
Kajian berkaitan kata ganti nama	12
Kajian berkaitan ungkapan santun	13
Kajian berkaitan novel	17
Kesimpulan	19
3 METODOLOGI	
Pengenalan	20
Reka Bentuk Kajian	20
Kerangka Teori	21
Kerangka Konseptual	22
Kaedah kajian	23
Bahan Kajian	23
Rasional Pemilihan Kajian	23
Prosedur Kajian	24
Pertimbangan Etika	25
Kesimpulan	26

4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
Pengenalan	27
Kata ganti nama dan ungkapan santun dalam novel komponen sastera (KOMSAS) bahasa Melayu.	27
Kata ganti nama dan ungkapan santun yang terdapat dalam novel KOMSAS menggunakan Teori Leech.	51
Kata ganti nama dan ungkapan santun dalam novel KOMSAS	72
Rasional Teori dan Dapatan Kajian	76
Implikasi Dapatan Kajian	77
Kesimpulan	77
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	
Rumusan	78
Cadangan Kajian Selanjutnya	79
Penutup	80
BIBLIOGRAFI	81
LAMPIRAN	87
BIODATA PELAJAR	98

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Tajuk Novel	6
2	Kata Ganti Nama Diri Pertama	28
3	Kata Ganti Nama Diri Kedua	33
4	Kata Ganti Nama Diri Ketiga	36
5	Penggunaan Gelaran	39
6	Penggunaan Panggilan	42
7	Penggunaan Ucapan	45
8	Penggunaan Kata Maaf	46
9	Bahasa Kiasan	48
10	Kata-Kata Pujian	49

SENARAI RAJAH

Rajah

- | | |
|---|---------------------|
| 1 | Kata ganti nama |
| 2 | Kerangka teori |
| 3 | Kerangka konseptual |

Muka Surat

- | |
|----|
| 2 |
| 21 |
| 22 |



SENARAI CARTA

Carta		Muka Surat
1	Proses pengumpulan data	24



SENARAI SINGKATAN

FPK	- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KOMSAS	- Komponen Sastera
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	- Penilaian Menengah Rendah
AAJ	- Ambang Asuhan Jepun
SMK	- Sekolah Menengah Kebangsaan
DBP	- Dewan Bahasa dan Pustaka

BAB 1

PENDAHULUAN


Latar Belakang Kajian

Pengenalan

Kata ganti nama dirujuk sebagai pengganti kata nama khas dan kata nama am. Dengan itu, kata ganti nama berfungsi untuk menggantikan tempat kata nama atau kata sebagai pengganti kepada sesuatu kata nama (Nik Safiah Karim et.al, 2011). Kata ganti nama terbahagi kepada dua jenis, iaitu kata ganti nama tunjuk dan kata ganti nama diri. Kata ganti nama tunjuk merupakan perkataan yang menjadi pengganti kata nama dan mendukung maksud benda atau perkara yang dirujuk itu menunjukkan umum atau tempat. Manakala kata ganti nama diri dibahagikan kepada dua, iaitu kata ganti nama diri tanya dan kata ganti nama diri orang. Penggunaan kata ganti nama diri tanya digunakan dalam bentuk tanya. Kata ganti nama diri orang pula merujuk diri orang tertentu, iaitu diri pertama, diri kedua dan diri ketiga.

Kata ganti nama merupakan kata yang berdiri di tempat kata nama yang boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat. Menurut Asmah Haji Omar (2009), kata ganti nama mempunyai tiga ciri, iaitu ganti nama diri, ganti nama penunjuk dan ganti nama tanya. Ciri yang pertama, iaitu ganti nama diri merupakan kata yang dapat menggantikan kata nama manusia secara terbatas kata nama yang lain. Asmah Haji Omar (2009) membahagikan ganti nama diri ini kepada ganti nama diri manusia, ganti nama bahasa diraja, ganti nama biasa, ganti nama kendiri dan ganti nama diri bukan manusia. Dalam bentuk ganti nama diri manusia boleh dilihat dari segi penggunaannya sama ada menggunakan ganti diri pertama, diri kedua atau ketiga. Ganti nama bahasa Diraja pula mempunyai penggunaan seperti perkataan beta, patik dan tuanku.

Manakala ganti nama biasa pula dibahagikan kepada subgolongan seperti hormat, neutral dan kasar atau intim. Penggunaan ganti nama biasa hormat seperti saya, tuan, puan dan beliau. Ganti nama biasa neutral mengandungi saya, anda, saudara, saudari, dia dan mereka. Ganti nama biasa kasar atau intim pula seperti aku, kamu, engkau, awak, dia dan mereka. Ganti nama kendiri merupakan penggunaan yang menunjukkan diri sendiri, iaitu kendiri dan sendiri. Bagi ganti nama diri bukan manusia pula merangkumi penggunaan ia dan ianya. Ciri kata ganti nama seterusnya adalah ganti nama penunjuk digunakan bagi merujuk berdasarkan ukuran jarak. Seterusnya, ciri yang terakhir ialah ganti nama tanya, iaitu kata yang menggantikan kata nama dalam pertanyaan. Rajah 1 berikut merupakan pembahagian secara umum berkaitan kata ganti nama:



Rajah 1: Kata ganti nama

Penggunaan kata ganti nama hendaklah digunakan dengan tepat kepada pendengar berdasarkan kedudukan atau jawatan yang disandang oleh seseorang pendengar. Penggunaan kata ganti nama yang betul dan tepat memberikan keselesaan kepada seseorang apabila diajak berbicara dengannya (Amat Juhari Moain, 1989). Berdasarkan makna dan pembahagian kata ganti nama dapatlah difahami bahawa penggunaan kata ganti nama diri terbahagi kepada tiga, iaitu kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama kedua dan kata ganti nama ketiga.

Justeru itu, penggunaan kata ganti nama diri yang dikaji ialah kata ganti nama diri yang mempunyai bentuk panggilan yang halus, mempunyai nilai hormat dan memberikan keselesaan kepada pendengar. Contoh penggunaan kata ganti nama diri pertama ialah ‘saya’, ‘aku’, ‘patik’ dan ‘kita’. Manakala, contoh kata ganti nama diri kedua ialah ‘kau’, ‘saudara’, ‘saudari’, ‘kamu’ dan ‘awak’ dan contoh kata ganti nama diri ketiga ialah ‘dia’ dan ‘mereka’.

Penggunaan kata ganti nama yang tepat menunjukkan kehalusan budi pekerti sewaktu berinteraksi dengan individu tertentu. Pemilihan penggunaan bahasa yang halus atau berbentuk kasar menunjukkan santun sewaktu berkomunikasi dengan orang lain (Nik Safiah Karim, 2012). Contohnya, penggunaan ‘saya’ pada kebiasaannya digunakan dalam keadaan formal dan dianggap sebagai bentuk ‘hormat’ (Awang Sariyan, 2006).

Petikan yang berikut daripada novel *Sutera dalam Lukisan* (2010) karya Abu. Talib Hassan mengandungi penggunaan ‘saya’ yang menunjukkan hormat. Hal ini kerana, penggunaan ‘saya’ tersebut digunakan oleh Bujei seorang pemuda sebagai penutur kepada pendengar pada watak Wak Senan yang merupakan seorang warga emas.

Data 3

“Wak suruh **saya** bayar balik duit empat ribu itu?” akhirnya
Bujei mendapat ilham.

“Tidak sekali-kali. Tidak Hafiz,” tegas Wak Senen.

(*Sutera dalam Lukisan*: 252)

Ungkapan santun digunakan untuk menghormati dan menghargai penutur dan pihak pendengar. Ungkapan santun yang diujarkan oleh setiap individu menunjukkan sebagai kesantunan berbahasa sewaktu mereka berkomunikasi. Robert Sibarani (2004)

memberikan empat cara pembentukan kesantunan berbahasa, iaitu menerapkan prinsip kesopanan, menghindar kata yang tabu, menggunakan eufemisme yang tepat dan menggunakan pemilihan kata yang mengandungi ungkapan hormat untuk berbicara dan menyapa orang lain. Prinsip kesopanan tersebut merupakan prinsip yang mengandungi enam maksim, iaitu maksim kebijaksanaan yang mengutamakan kearifan bahasa, maksim penerimaan yang mengutamakan keuntungan orang lain dan kerugian untuk diri sendiri, maksim kemurahan yang mengutamakan rasa hormat kepada orang lain dan rasa kurang hormat kepada diri sendiri, maksim kerendahan hati yang mengutamakan pujian kepada orang lain dan rasa hati kepada diri sendiri, maksim kesesuaian yang mengutamakan kesesuaian kepada orang lain dan maksim kesimpitan yang mengutamakan rasa simpati kepada orang lain.

Manakala penghindaran kata yang tabu merupakan kata yang berbau seks atau kata yang kotor dan kasar. Seterusnya, penggunaan eufemisme menurut beliau merupakan ungkapan yang halus agar bahasa yang digunakan sopan dan halus. Penggunaan kata yang honorifik pula merupakan ungkapan hormat digunakan untuk berbicara dan menyapa orang lain. Kata sapaan yang tepat perlu digunakan kepada individu yang berkedudukan dan lebih berumur daripada penutur. Dalam hal ini, pemahaman pembentukan kesantunan berbahasa yang dinyatakan oleh Robert Sibarani (2004) dapat digunakan dalam pemilihan ungkapan santun. Oleh itu, jenis ungkapan santun yang dikenal pasti digunakan dalam kajian ini ialah bentuk sapaan yang betul, penggunaan kata maaf, bahasa kiasan dan kata pujian.

Teo Kok Seong (2003) menjelaskan penggunaan bahasa seperti kiasan ketika bercakap atau menggunakan bahasa berlapik atau cakap secara terang-terangan yang membawa maksud untuk berlaku sopan kepada orang yang mendengar atau diajak bercakap bagi tujuan menghormatinya. Bahasa kiasan yang digunakan dalam bahan kajian, contohnya, dalam Novel *Konserto Terakhir* (2012) karya Abdullah Hussain pada data 35. Kiasan ‘panjang tangan’ dalam novel tersebut digunakan oleh mak cik Hilmi untuk memberikan peringatan. Kiasan itu juga digunakan untuk menggantikan maksud yang sebenar, iaitu mencuri.

Data 35

“Baiklah. Tetapi ingat jangan kau **panjang tangan** pula. Aku tak kunci semua bilik. Ada barang-barang berharga di dalamnya..

(*Konserto Terakhir*: 77)

Daripada penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun ‘panjang tangan’ menunjukkan bahawa terdapat penggunaan bahasa kiasan oleh mak cik Hilmi sebagai penutur kepada Hilmi yang menjadi pendengar. Ungkapan santun yang menggunakan kiasan merupakan kesopanan dan kehalusan dalam menggunakan bahasa ketika berkomunikasi sama ada melalui lisan atau tulisan. Penggunaan bahasa yang penuh dengan adab tertib, sopan santun dan menggunakan nilai hormat yang tinggi (Amat Juhari Moain 1992).

Masyarakat di Malaysia amat halus jiwanya. Kehalusan jiwa tersebut dapat dilihat dalam penggunaan bahasa Melayu yang sudah lama digunakan oleh penutur di Malaysia. “Bahasa Jiwa Bangsa” merupakan slogan yang digunakan dalam kalangan masyarakat Malaysia dalam pembentukan penggunaan bahasa ketika berkomunikasi untuk saling memahami. Bahasa yang digunakan menitikberatkan penggunaan santun agar dilihat sopan dan beradab menunjukkan suatu bangsa itu. Awang Sariyan (2007)

berpendapat bahawa kesantunan sebagai penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi yang mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi lawan bicaranya. Oleh yang demikian, bahasa turut mempengaruhi jiwa bagi sesuatu bangsa supaya dapat memancarkan sahsiah yang mulia dalam diri masyarakat negara ini.

Di samping itu, penutur hendaklah menggunakan bahasa yang elok ketika berbicara untuk menjaga hati perasaan pendengar. Hal ini disokong oleh Robin Lakoff (1975) yang mengatakan bahawa santun ialah perlakuan yang dapat mengurangkan pergeseran dalam interaksi. Oleh yang demikian, kesantunan merupakan perkara yang penting dalam setiap komunikasi sesama manusia agar tidak berlaku kecil hati atau tersinggung.

Leech (1983) telah menyenaraikan prinsip kesopanan kepada enam maksim yang berupaya mengurangkan ungkapan yang tidak beradab dan meningkatkan ungkapan pendapat yang beradab. Pendapat yang beradab dan yang tidak beradab ialah pendapat masing-masing yang digemari dan tidak digemari oleh pendengar atau orang ketiga. Enam maksim yang telah senaraikan oleh Leech terdiri daripada maksim santun, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati. Menurut Leech (1983), empat maksim pertama merupakan berpasangan kerana setiap maksim tersebut mengendalikan skala dwikutub, iaitu skala kos manfaat dan skala pujian cacian. Dua maksim seterusnya merupakan skala ekakutub, iaitu skala persetujuan dan skala simpati. Maksim yang dinyatakan mempunyai perbezaan kerana menunjukkan skala penilaian yang berlainan.

Dalam masyarakat Melayu, pengaruh budaya dan agama Islam amat kuat dalam membentuk penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun. Hal ini dapat dilihat ketika mereka berinteraksi antara individu dengan individu lain. Dalam Islam, penggunaan perkataan atau bahasa yang baik ketika berinteraksi amat dititikberatkan untuk menjaga hubungan sesama insan. Abdul Mu'a'ti @ Zamri Ahmad (2013) mengatakan bahawa bahasa diciptakan oleh Allah dengan penuh keindahan. Hanya manusia yang mencemari keindahan itu dengan menggunakan perkataan kotor lagi keji apabila tidak dapat mengawal lidah dengan fikiran yang waras. Keutamaan menjaga pertuturan yang diucapkan telah disebut dalam kitab suci Al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w seperti:

“dan katakanlah kepada hamba-hamba Ku, hendaklah mereka mengucapkan kata-kata yang baik...” (Al-Isra:53)

“...dan katakanlah kepada manusia perkataan-perkataan yang baik.” (Al-Baqarah:83)

“... dan berkatalah kepada mereka dengan perkataan yang baik.” (An-Nisaa:8)

Sabda Rasulullah s.a.w pula bermaksud:

“Siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Kiamat, hendaklah beliau mengatakan yang baik atau diam sahaja.”

Jelaslah bahawa ayat daripada Al-Quran dan hadis turut menekankan soal penggunaan ungkapan santun oleh setiap individu apabila terdapat ayat yang memberikan perhatian kepada penggunaan yang baik selaras dengan kehendak ungkapan santun. Oleh itu, apabila hendak mengujarkan perkataan, hendaklah berkata dengan lemah lembut dan

sopan seperti mana yang diajarkan oleh Allah s.w.t melalui ayat suci Al-Quran. Hal ini dapat menjaga perasaan pendengar supaya tidak berkecil hati dan mengelakkan timbulnya kemarahan yang menjurus kepada permusuhan.

Komponen Sastera (KOMSAS)

Pada tahun 2000, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan elemen Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di semua sekolah menengah sama ada bagi aliran sains, sastera, agama dan vokasional. Melalui teks yang ditetapkan, pengajaran KOMSAS berupaya mendedahkan pelajar tentang persoalan hidup manusia dan pergolakan masyarakat. Hal ini kerana, bahan yang diketengahkan kepada mereka merupakan bahan yang mengandungi unsur estetik dipaparkan dengan menarik seterusnya menyuburkan minat membaca (Abdul Razak Hussin, 2012).

Kesusasteraan Melayu dalam konteks pendidikan membawa maksud karya asal yang tertulis dalam bahasa Melayu berunsurkan keindahan dan kehalusan sama ada berbentuk novel, cerpen, drama, sajak, prosa tradisional atau puisi tradisional untuk mengimbangi perkembangan intelek rohani, emosi dan jasmani, di samping memperlihatkan unsur nilai kemanusiaan dan citra masyarakat. (Sukatan Pelajaran Kesusteraan Melayu KBSM, 2003). Pelaksanaan kurikulum Kesusteraan Melayu di sekolah menengah bermatlamatkan untuk melengkapkan murid dengan ilmu sastera agar mereka dapat menghayati, menghargai dan mencintai serta memupuk rasa bangga terhadap bahasa dan sastera Melayu.

Pengajaran KOMSAS bermula apabila diperkenalkan pada 1 Mac 2000 kepada pelajar Tingkatan 1 dan Tingkatan 4. Pelaksanaan pengajaran KOMSAS secara berperingkat-peringkat kerana untuk dinilai pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2001 dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2002. Objektif pengenalan unsur sastera dalam sukanan Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah ialah:

- i. meningkatkan dan mengukuhkan keterampilan berbahasa.
- ii. memupuk budaya membaca.
- iii. menghayati karya sastera.
- iv. menerapkan nilai dan pengajaran.
- v. menghasilkan karya sastera.
- vi. mengenal tokoh dan sejarah perkembangan sastera.
- vii. menghayati keindahan bahasa dalam karya dan menggunakan dalam penulisan.

(Sukatan Pelajaran
Kurikulum Bersepadu
Sekolah Menengah:
Bahasa Melayu, 2003)

Dalam pengajaran KOMSAS, terdapat dua teks yang digunakan, iaitu antologi dan novel. Bagi pengajaran menggunakan teks antologi, terdapat lima karya sastera yang dikumpulkan dan dimuatkan dalam teks ini, iaitu puisi tradisional, puisi moden atau sajak, prosa tradisional, cerpen dan drama. Antologi yang diterbitkan berbeza mengikut tingkatan. Pada edisi pertama pengenalan KOMSAS, teks antologi dan novel digunakan berlainan sehingga pada tahun 2010 diperkenalkan teks yang baru.

Teks antologi yang diperkenalkan bermula pada tahun 2010 untuk tingkatan satu dan tingkatan empat menggunakan teks antologi berjudul, *Kasut Kelopak Jantung* dan *Harga Remaja*. Manakala pada tahun 2011 untuk tingkatan dua pula menggunakan teks antologi berjudul *Gema Sepi Gadis Genius* bersama-sama teks tingkatan lima yang berjudul *Dirgahayu Bahasaku. Harga Sebuah Lukisan* bagi tingkatan tiga mula digunakan pada tahun 2012. Kesemua teks antologi dari tingkatan satu hingga lima digunakan oleh semua pelajar seluruh negeri dengan menggunakan teks yang sama (Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Bahasa Melayu, 2003).

Berbeza pula dengan teks novel yang diperkenalkan mengikut zon. Kementerian Pendidikan telah membahagikan kepada empat zon, iaitu zon satu untuk Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Zon dua terdiri daripada negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Zon tiga terdiri daripada negeri Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Zon empat pula terdiri daripada negeri Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Setiap zon mempunyai tajuk novel yang berbeza-beza. Jadual 1 mempunyai tajuk novel yang digunakan oleh pelajar tingkatan lima mengikut zon yang telah dibahagikan oleh pihak kementerian:

Jadual 1

Bilangan	Tajuk Novel	Zon
1	<i>Kembara Amira</i>	Zon Satu: Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.
2	<i>Konserto terakhir</i>	Zon Dua: Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
3	<i>Sutera dalam Lukisan</i>	Zon Tiga: Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan.
4	<i>Kabus di Perbukitan</i>	Zon Empat: Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

(Sumber: Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia)

Penggunaan Komponen Sastera (KOMSAS), khususnya tingkatan lima yang masih remaja merupakan wahana yang amat penting dalam usaha dan upaya untuk mengisi sebahagian daripada tuntutan keperluan remaja, terutama daripada sisi pengisian minda, pembentukan sahsiah, kerohanian dan pemantapan psikologi (Othman Puteh, 1998). Dengan berpandukan teks KOMSAS ini, kajian dilakukan dengan mengenal pasti dan menganalisis kata ganti nama dan ungkapan santun yang terdapat dalam keempat-empat novel KOMSAS tingkatan lima. Pengkaji membuat kajian dengan mengenal pasti penggunaan kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga. Manakala ungkapan santun yang dikenal pasti ialah penggunaan bentuk sapaan sama ada penggunaan gelaran atau semasa ingin menyapa, penggunaan maaf, penggunaan bahasa kiasan dan penggunaan kata pujian. Justeru itu, melalui pemahaman berdasarkan makna dan huraihan berkaitan kata ganti nama dan ungkapan santun tersebut, maka kajian yang dijalankan ini meneliti aspek penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun dengan menggunakan novel Komponen Sastera (KOMSAS) tingkatan lima.

Pernyataan Masalah

Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid, (2010) menyatakan bahawa, dalam mata pelajaran bahasa Melayu, elemen KOMSAS berperanan menerapkan nilai murni yang boleh mempengaruhi pembangunan nilai pelajar. Manakala Aminudin Mansor (2011) pula telah menyatakan penggunaan kesantunan bahasa dapat membantu membentuk akal budi pelajar. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin mengkaji sama ada nilai murni yang tersurat dan tersirat pada kata ganti nama dan ungkapan santun dapat membantu membentuk akal budi pelajar.

Sementara itu, Nik Hassan Nik Ab. Kadir (2007) mengatakan bahawa unsur kesusasteraan Melayu yang dibaca oleh pelajar sekolah mampu menjadikan diri pelajar untuk lebih menghormati orang lain. Hal ini disokong oleh Abu Bakar Abdul Hamid (1992) yang mengatakan bahawa kesusasteraan itu sebenarnya dianggap sebagai sumber pengetahuan, sumber penelitian kelakuan manusia dan sumber pengawal nilai moral pelajar. Mustafa Al-Bakri Hashim (2009) pula telah menggunakan novel KOMSAS untuk mengkaji kesantunan berbahasa yang dapat membentuk sahsiah pelajar. Namun, kajian beliau lebih tertumpu pada persamaan dan perbezaan kesantunan berbahasa dan nilai santun dalam Islam sahaja. Daripada pendapat Abu Bakar Abdul Hamid (1992) dan Nik Hassan Nik Ab. Kadir (2007) serta kajian Mustafa Al-Bakri Hashim (2009) ini, pengkaji berpendapat perlu dijalankan kajian menggunakan bahan bacaan novel KOMSAS tingkatan lima untuk meneliti aspek kesantunan berbahasa yang mampu membentuk tingkah laku pelajar untuk menghormati orang lain menerusi penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun yang terdapat dalam novel KOMSAS yang dikaji.

Seterusnya, kajian tentang murid daripada peringkat prasekolah sehingga sekolah menengah, sering dijadikan sebagai kajian. Antaranya Zaitul Azma Zainon Hamzah (2000) yang telah mengkaji pertuturan kanak-kanak Melayu di empat buah Tabika Kemas dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2011) dalam kajian beliau yang bertajuk “Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah”. Disebabkan kajian Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2011) lebih merupakan kajian lapangan, justeru pengkaji menjalankan kajian dengan menggunakan teks KOMSAS tingkatan lima sebagai bahan bacaan pelajar yang akan meninggalkan alam persekolahan kerana kajian untuk mengenal pasti kata ganti nama dan kesantunan bahasa boleh dijalankan dengan menggunakan teks pembelajaran.

Menerusi kajian Noor Hatini binti Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2011) dalam kajian yang bertajuk “Unsur Eufemisme dalam Novel *Papa dan Azfa Hanani*” telah menjelaskan terdapatnya penggunaan unsur eufemisme dalam novel KOMSAS yang dikaji. Penggunaan unsur eufemisme dilihat menerusi pemilihan kata yang bersifat santun dalam novel *Papa dan Azfa Hanani*. Selain itu juga hasil dapatan kajian juga menjelaskan menerusi penggunaan unsur eufemisme secara tidak langsung membantu pelajar mengadaptasikan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana menerusi penulisan yang baik akan mempengaruhi khalayak pembaca secara tidak langsung. Justeru itu, menerusi kajian ini pengkaji telah memilih empat buah novel KOMSAS tingkatan lima sebagai bahan kajian untuk meneliti pemilihan kata yang bersifat santun digunakan dalam novel KOMSAS seterusnya dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah (2012) dalam kajian mereka yang bertajuk “Turbiah dalam Novel *Papa...(akhirnya kau tewas jua!)*” telah mendapatkan bahawa proses turbiah mampu menjadikan murid seorang insan yang berfikir tentang kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, santun dalam bahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan menghargai kehidupan dan kemanusiaan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan pada novel *Papa* dan kajian tidak melibatkan ungkapan santun dalam novel KOMSAS tingkatan lima. Hal ini sekali gus menunjukkan pemilihan kata yang menjadikan murid seorang yang halus budi pekerti dan santun dalam berbahasa pada novel KOMSAS yang berlainan tidak dapat dikenal pasti. Justeru pengkaji berasa perlu mengkaji sama ada terdapat kata ganti nama diri dan ungkapan santun yang terdapat dalam novel KOMSAS tingkatan lima.

Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif kajian, berikut merupakan tiga persoalan kajian yang cuba dijawab oleh pengkaji dalam kajian ini, iaitu:

- i. apakah kata ganti nama dan ungkapan santun yang digunakan oleh pengarang dalam novel komponen sastera (KOMSAS)?
- ii. bagaimanakah penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun dapat dianalisis dengan menggunakan teori Leech?
- iii. apakah kesan penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun yang terdapat dalam novel dapat difahami oleh pelajar?

Objektif Kajian

Kajian ini secara khususnya bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengenal pasti kata ganti nama dan ungkapan santun yang terdapat dalam novel terpilih KOMSAS.
- ii. Menganalisis kata ganti nama dan ungkapan santun yang terdapat dalam novel KOMSAS menggunakan Teori Leech (1983).
- iii. Merumus penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun dalam novel komponen sastera (KOMSAS).

Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan ini berkaitan dengan kata ganti nama dan ungkapan yang terdapat dalam novel KOMSAS tingkatan lima. Dapatkan kajian dijalankan untuk mengenal pasti penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun yang mengaitkan situasi dan konteks sosiobudaya Melayu.

Hasil kajian ini dapat membantu guru menerapkan ungkapan santun semasa mengulas isi pelajaran dengan memberikan contoh yang dekat dengan diri pelajar agar isi pengajaran itu dapat diamalkan oleh pelajar dalam kehidupan mereka (Abdul Hamid Mahmood, 2007). Kajian ini juga dapat membantu guru memberikan penekanan ungkapan santun dalam novel KOMSAS seterusnya memberi penerangan kepada pelajar mengenai isi pengajaran khususnya dalam pemilihan bahasa yang santun. Tambahan pula, pelajar turut memperoleh maklumat dan mengambil perhatian terhadap ungkapan yang disampaikan melalui nilai pertuturan dalam karya.

Selain itu, dapatan kajian diharapkan dapat membantu pembaca, terutama pelajar tingkatan 5 agar dapat memahami penggunaan kata ganti nama dengan betul dan ungkapan santun berbahasa yang dibawa oleh pengarang melalui penulisan novel KOMSAS tingkatan 5. Melalui pembacaan novel tersebut dapat memberikan kesedaran kepada pembaca mengenai kepentingan pemilihan kata ganti nama dan ungkapan seterusnya memberi kesan dalam kehidupan pelajar sewaktu sekolah dan ketika luar waktu sekolah. Hal ini sekali gus dapat menerapkan pemahaman dalam menggunakan kata ganti nama dan ungkapan santun dalam diri pelajar sekolah melalui pembacaan dan penelitian terhadap kata ganti nama dan ungkapan santun dalam pembacaan novel KOMSAS.

Di samping itu, kajian ini dapat menerangkan kepada para pelajar bahawa pembelajaran KOMSAS bukan semata-mata pembelajaran karya sastera, bahkan menjadi sebagai satu ilmu yang pelbagai. A. Aziz Deraman (dalam Jaafar Jambi (2008) mengatakan bahawa persepsi masyarakat masa kini yang menganggap bahawa kesusteraan ini hanyalah sebagai karya semata-mata hendaklah dikikis kerana ia boleh membataskan penghayatan dalam kesusteraan sastera. Namun sekiranya kesusteraan itu dianggap sebagai ilmu maka penghayatan dapat bertambah luas dengan informasi dan mesej yang hendak disalurkan sampai kepada khalayak. Contohnya, dalam sastera terkandung ilmu berkaitan dengan gaya bahasa Melayu.

Teo Kok Seong (2003) membahagikan bentuk kesantunan bahasa kepada kata, frasa atau rungkai kata, ayat dan penggunaan bahasa seperti kiasan ketika bercakap atau menggunakan bahasa berlapik atau cakap secara terang-terangan yang membawa maksud untuk berlaku sopan kepada orang yang mendengar atau diajak bercakap bagi tujuan menghormatinya. Oleh yang demikian, pemilihan kata sama ada kata ganti nama atau kata yang santun merupakan perkara yang penting dalam setiap hubungan sama ada melalui pertuturan atau penulisan agar memahami sifat santun yang ditonjolkan. Begitu juga dalam penulisan novel, Noor Hatini Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2011) yang membuat kajian berkaitan unsur eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani mengatakan bahawa unsur eufemisme sangat penting dalam penulisan karya kreatif kerana unsur tersebut mampu memberikan kesan positif dan mempengaruhi pembaca khususnya pelajar. Oleh itu, ungkapan santun yang terdapat dalam novel merupakan unsur yang positif dan mampu menarik minat pembaca seterusnya mempengaruhi kehidupan pelajar.

Selain itu, dapatan kajian juga dapat dijadikan panduan kepada pelajar untuk memilih seterusnya menilai novel lain yang mempunyai kualiti keilmuan sebagai bacaan tambahan mereka. Pemilihan novel berbentuk cinta remaja sememangnya menarik minat remaja. Pemilihan novel berbentuk sedemikian kerana pada pengamatan remaja ia berbentuk santai dan mengikut tumbesaran diri pelajar. Namun novel sedemikian mempunyai perspektif keilmuan yang kurang dalam membantu untuk menyegarkan budaya ilmu (Zaini Ujang, 2010). Justeru, galakan membaca novel yang mempunyai kualiti keilmuan yang tinggi hendaklah diterapkan dalam diri seorang pelajar. Pembacaan novel sedemikian memberi kesan dalam meningkatkan kebudayaan, kerohanian dan jasmani remaja.

Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada penggunaan kata ganti nama dan ungkapan santun yang terdapat dalam novel KOMSAS tingkatan lima sahaja. Novel tersebut ialah Novel

Kembara Amira (2010), *Konserto Terakhir* (2012), *Sutera dalam Lukisan* (2010) dan *Kabus di Perbukitan* (2011).

Kata ganti nama diri merupakan satu bentuk panggilan untuk berhubung dengan seseorang yang disapa. Justeru, penggunaan kata ganti nama diri yang diteliti dalam kajian ini ialah kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga. Penggunaan kata ganti nama diri tersebut yang bersesuaian dengan mempunyai nilai hormat yang tinggi berdasarkan kedudukan pengguna dan pendengar.

